



[alam reka]

Tukang ROSMIN DARUS Gambar MOHD JASMIN RAMLI



Gabungan Itham

Sendiri, Kakitangan & Isteri



KEUTAMAAN FELIX HENIMANN IALAH MEMASTIKAN KEBAHAGIAAN KAKITANGANNYA. JUSTERU ITU, MESKIPUN TIDAK SUKAKAN PERMAIDANI BELIAU TETAP MEMASANGNYA DI RUANG BEKERJA DEMI MEMENUHI PERMINTAAN KAKITANGAN WANITA YANG TIDAK SELESA DENGAN BUNYI BISING APABILA BERJALAN DI ATAS SIMEN JIKA BERKASUT TUMIT TINGGI.

Felix di bilik pejabatnya yang dilengkapi sofa kulit putih berbingkai sepadan meja kerja yang juga berangka logam berpermukaan kaca. Lukisan besar berwarna-warni pada dinding koridor membangkitkan seni ruing. Ruang bekerja yang dibentuk birkonsep terbuka memudahkan komunikasi dan sekali gus menggalakan hubungan silaturahim. Dinding hitam dipadankan dengan bangku kulit segi empat juga berwarna hitam, melengkapi ruang menunggu. Hanya lampu meja berterendak dan pokok pasuan hadir menyuntik gaya. Tirai benang kelabu bukan sekadar hiasan tetapi berfungsi mengedang ruang santai yang bertantakan kayu serta dilengkapi peralatan pandang dengar dan meja bulat berkerusi tinggi. Unsur air diwujudkan di ruang depan pintu masuk utama yang berinding kaca lut sinar. Ruang laluan bertantakan simen kelihatan serasi dengan binaan dinding bata bentuk U berukuran separuh bagi mengedang pandangan terus ke arah ruang bekerja.



Ruang dapur yang lengkap dengan kaunter bar dan kabinet siap dipasang tempel. Ringkas. Lantai simen dan hiasan lampu patuk pada dinding menyuntik seni. Kelengkapan fesyen dan botol makanan disediakan untuk kemudahan kakitangan. Bilik mesyuarat bergaya ringkas tetapi menarik dengan paparan warna cerah bagi memaparkan kesan luas. Meja panjang berkerusi 10 dan papai putih memenuhi keperluan bermesyuarat. Sebahagian dinding diperbuat daripada batu-bata bagi memaparkan keharmonian.



Berasal dari Switzerland, Pengarah Urusan Kumpulan Essence Communication Sdn Bhd itu mengakui bahawa cita rasa pekerja penting diambil kira meskipun terpaksa mengorbankan selera sendiri, apatah lagi dalam keadaan tempoh kerja mereka yang lazimnya melewati lapan jam sehari.

Sebelum menubuhkan Essence Communication pada tahun 2000, Felix pernah bertugas dengan Swatch Malaysia dan Siemens. Berbekalkan pengalaman yang luas dan kebolehan beliau, maka tidak hairanlah syarikatnya yang terbahagi dalam bidang komunikasi pemasangan serta penyediaan pasaran itu berjaya meraih pelanggan di kalangan syarikat terkemuka seperti DHL, Lexus, Sony Ericson dan Siemens. Essence Communication mempunyai 20 kakitangan di pejabat Kuala Lumpur dan lapan di Singapura.

Felix menjelaskan, pada awal peneubuhan Essence, pejabat mereka bertempat di CP Tower sebelum berpindah ke bangunan sekarang di Phileo Damansara pada tahun lalu. "Saya terpaksa mengosongkan keseluruhan ruang pejabat ini kerana hiasan dalam sedia ada tidak kena dengan selera saya. Jadi kerja pembaharuan dan melengkapkan pejabat adalah mengikut idea

saya dengan sedikit suntikan daripada isteri dan kakitangan," kata bapa kepada empat anak ini.

Mengakui tidak sukakan unsur kayu walaupun berasal dari Switzerland, iaitu negara yang terkenal dengan kelengkapan rumah berbasaskan kayu, Felix sebaliknya memilih kaca, besi tanpa karat dan simen sebagai bahan utama untuk membentuk rekaian dalam pejabat.

Menurut beliau, bahan binaan seperti kaca, besi tanpa karat dan simen berupaya mewujudkan suasana ruang yang lebih cerah, ringkas dan menyelerakan gaya moden.

"Saya suka suasana pejabat yang cerah dan ceria, sebab itu saya pastikan setiap bilik berindingan kaca dan berkerangka besi tanpa karat manakala di ruang bekerja maparkan konsep terbuka dan kalau ada pun penghadang cuma yang rendah bagi memenuhi permintaan kakitangan," katanya.

Memandangkan kaca yang digunakan adalah jenis lut sinar maka suasana dalam pejabat jelas kelihatan sebaik sahaja melangkah keluar dari pintu lif. Oleh itu, Felix membina dinding penghadang daripada bata bentuk U untuk mengelak pandangan terus dari luar.

Batu-bata tunar digunakan sebagai sebahagian dinding bilik mesyuarat dan pejabat Felix. Kehadiran bahan itu diserikan dengan lantai simen di ruang laluan dan dapur serta semua bilik.

Suasana lebih redup dapat dirasai tatkala binaan di ruang santai yang dilengkapi alat pandang dengar, bangku kulit dan sepadan kerusi berbingkai meja bulat. Di ruang ini sahaja yang dipasang lantai kayu dan diserikan tirai benang kelabu.

Bagi memecah kebosanan warna senada, beberapa pokok pasuan mengiasi kawasan pintu masuk utama, bilik, ruang perniagaan dan kaunter bar. Bilik pejabat Felix turut diserikan dengan lukisan abstrak berwarna-warni yang digantung pada dinding belakang meja kerjanya.

"Perabot dan kelengkapan ringkas bukan sahaja menjimatkan belanja, tapi susunan gaya serta pilihan yang tepat dapat membangkitkan suasana santai. Malah bidang perniagaan yang kami ceburi perlu diterjemahkan pada persekitaran pejabat supaya ada tarikan dan pembaharuan, lebih lagi tatkala dikunjungi pelanggan," kata Felix, yang memengah kebanyakan kelengkapan bagi disesuaikan dengan selera dan keluasan pejabat. *AS*